



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Pendedahan eksklusif akhbar ini tentang bahaya ancaman produk kosmetik haram yang tidak berdaftar dari negara luar seperti Korea Selatan, China dan Taiwan se-wajarnya membuka mata golongan wanita tempatan. Ini kerana apa yang jelas penggunaan kosmetik dan mengambil suntikan seperti ini bukan saja tidak memberikan hasil perubahan yang tulen dan kekal lama tapi turut boleh mengancam nyawa pengguna.

Mengikut laporan terdapat lambakan produk cecair suntikan maut yang membanjiri pasaran tempatan angkara sindiket licik yang mensarkan golongan wanita negara ini. Mereka mudah menggoda dan memujuk wanita kita kerana produk kosmetik ini dikatakan mampu mencantikkan wajah, menegangkan payudara dan menjalankan punggung. Malah rentetan daripada ini juga dikatakan muncul ramai pakar bedah plastik serta doktor tidak bertaualiah yang menyediakan segala perkhidmatan tersebut.

Dalam konteks ini, kita menyokong penuh usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) yang mengisyiharkan perang habis-habisan bagi menjelaki syarikat pengedar serta individu yang mensarkan produk haram ini. Malah KKM juga menzahirkan komitmen untuk menutup terus premis mereka. Tindakan tegas seperti ini dilihat sangat wajar kerana mengikut rekod sebanyak 14,200 produk kosmetik tidak berdaftar bernilai RM8.5 juta dirampas sepanjang tempoh sejak 2015 hingga Februari lalu. Malah sepanjang tempoh itu juga dilaporkan sebanyak 20 kes sudah didakwa di mahkamah kerana melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan dan Kosmetik 1984. Rampasan terbaru membabitkan produk kecantikan berbentuk suntikan dan kosmetik tidak berdaftar dianggarkan bernilai RM779,663 di 66 premis di seluruh negara.

Jelas isu ini tidak boleh dipandang rendah kerana mula

menjadi masalah besar sehingga mengancam nyawa wanita kita. Apa yang pasti, berdasarkan rekod rampasan dan lambakan produk kosmetik yang membanjiri pasaran tempatan, apa yang kita boleh rumuskan ialah golongan wanita kelihatan cukup terdesak dan kemaruk mahu kekal cantik selama-lamanya. Hal ini kerana mana mungkin kosmetik haram ini memasuki pasaran tempatan dengan sebanyak ini andai tidak ada permintaan daripada rakyat kita sendiri. Ini menyebabkan peniaga mula mengambil kesempatan dan membawa masuk pelbagai produk kosmetik secara haram dan tidak berdaftar. Dilaporkan antara kaedah dan strategi licik untuk membawa masuk produk kosmetik dari negara luar ialah dengan menggunakan khidmat penghantaran kurier udara di mana mereka mengisyihar produk kosmetik haram sebagai herba atau makanan kesihatan.

Justeru, kita harap kaum wanita kita lebih berhati-hati. Tidak salah untuk berusaha mengekalkan kecantikan atau sentiasa kelihatah muda kerana itu memang naluri biasa seorang wanita, tetapi biarlah dengan cara yang betul dan menggunakan produk yang tulen dan tidak berbahaya. Pengambilan pelbagai produk kecantikan dan suntikan cecair termasuk Vitamin C, plasenta dan thiotic asid perlu di bawah bimbingan dan kawalan pakar yang bertaualiah kerana ia boleh memberikan pelbagai kesan jangka panjang yang buruk dan membahayakan.

Malah apa yang lebih merisaukan ialah kita khuatir pengedar tidak mendaftar produk mereka kerana mungkin menyedari ada bahan terlarang lain dalam produk tersebut. Ini pastinya akan terus memberikan pelbagai kesan sampingan kepada pengguna. Dalam hal ini, pengedar hanya meningkatkan keuntungan mereka dan bukannya mempedulikan keselamatan pengguna. Akhirnya yang menerima padahal adalah pengguna di mana takut nasi sudah menjadi bubur apabila kesan sampingan yang dialami sudah tidak boleh diubati lagi. Ringkasnya, sesal dulu ada pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Justeru hentikanlah kepercayaan karut yang kita boleh kekal remaja, putih dan cantik selama-lamanya.

Dalam pada itu, memandangkan sudah ada sindiket



PENGARAH Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Mohammad Omar (dua dari kiri) bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Wan Noraini Wan Ibrahim (kiri) menunjukkan ubat-ubatan dan kosmetik yang dirampas Cawangan Penguat Kuasa Farmasi JKNT, baru-baru ini.

Merana badan dek kemaruk mahu cantik



SEBANYAK 873 unit produk kosmetik dan 229 tin susu diseludup menggunakan bot bernilai RM5,176 dirampas Pasukan Marin (PPM) Pelabuhan Klang ketika melakukan Op Pensura di perairan laut Tanjung Harapan, baru-baru ini.

yang membawa masuk produk seperti ini, kita harap pihak berkuasa dapat mempergiatkan operasi agar dapat menyekat aktiviti penyeludupan dan penjualan. Oleh

kerana mereka menggunakan khidmat kurier udara untuk membawa masuk produk haram ini, eloklah semua agensi berkaitan bergabung idea dan tenaga, sete-

rusnya bergerak sebagai satu pasukan supaya kita dapat menyekat kemasukan ke dalam negara kita. Ini penting kerana jika kita dapat menyekat di pintu masuk,

masalah ini boleh diatasi dari peringkat akar umbi lagi. Malah jika perlu pihak berkuasa wajar berkerjasama dengan pihak berkuasa negara luar yang berkaitan su-

paya pihak mereka juga tahu yang kita tidak memberikan kemasukan produk seperti ini serta sedar adanya unsur penipuan dan penyecludupan.

Di samping itu, operasi periksa di premis yang disyaki membuat aktiviti pengedaran mahupun menyediakan perkhidmatan suntikan tanpa tauliah juga perlu dilipatgandakan. Teruskan operasi di seluruh negara secara konsisten dan berkala, biar mereka takut dan tidak lagi melakukan aktiviti haram seperti ini. Dalam konteks ini masyarakat juga boleh memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa jika didapati ada sebarang aktiviti yang mengurangkan di sekitar kita. Hal ini penting kerana mana mungkin pihak berkuasa dapat memantau semua premis, jadi kitalah yang patut menjadi mata dan telinga pihak berkuasa supaya sama-sama dapat membantu membanteras aktiviti ini, sekaligus menyelamatkan kaum wanita kita daripada terus menjadi mangsa penipuan.

Semoga golongan wanita akan mengambil iktibar dan tidak lagi bergantung harap kepada produk kosmetik haram untuk kelihatan muda dan cantik. Janganlah kita terlalu kemaruk mahu cantik sehingga tidak sedar betapa ia bakal mengancam nyawa sendiri.

Penulis Ketua Bahagian
Hal Ehwal Pelajar UPM